

Analisis Perbandingan Taubat Adam Menurut Perspektif Islam dan Yahudi

[Comparative Analysis of Adam's Repentance According to Islam and Judaism Perspectives]

Nazmi Qayyum Hamdan¹ & Muhammad Nasrullah Mohamad Azli²

¹ (Corresponding Author) Section of Islamic Studies, Universiti Sains Malaysia, 11700 Gelugor, Malaysia. E-mail: nazmiqayyum@gmail.com.

² Section of Civilisation Studies, Universiti Sains Malaysia, 11700 Gelugor, Malaysia. E-mail: lahzli95@gmail.com.

ABSTRACT

The Judaism and Islamic conceptions of repentance are nearly identical. The Quran and Torah mention the story of Adam and Eve eating the forbidden tree. Some Islamic scholars criticise the text of the Torah that exists today for the narrative style that portrays it as if Adam never repented of the act. Therefore, this research paper aims to identify Jewish scholars' position regarding Adam's repentance. The first objective is to identify the recognition of Adam's prophethood according to Islam and Judaism. The second objective is to identify the conviction of sin against Adam's actions according to Islam and Judaism. According to Islam and Judaism, the third objective is to identify the certainty of Adam's repentance. This research is a literary study, drawing information from the works of Islamic and Jewish scholars who have interpreted the story. A question was also asked to a contemporary Jewish scholar, Ben Abrahamson, who studies Islam. The results found that, first, Islam recognises Adam's prophethood except for some contemporary scholars who deny it. However, for Judaism, it is not clearly stated that some Jewish scholars recognised Adam as a prophet. Second, Islam and Judaism admit that Adam sinned in that regard. Third, the Quran clearly says Adam repented, while the Torah does not. However, according to the oral tradition of Jewish scholars, Adam did repent through actions by immersing himself in the Gihon River for 130 years to atone for his sins.

Keywords: Prophet's infallibility; Impeccable; Forbidden fruit; Semitic religion

ABSTRAK

Konsep taubat Yahudi hampir sama dengan Islam. Al-Quran dan Taurat ada menyebutkan kisah Adam dan Hawa memakan pohon terlarang. Beberapa sarjana Islam mengkritik teks Taurat yang wujud sekarang ini terhadap gaya penceritaannya yang menggambarkan seolah-olah Adam tidak pernah bertaubat daripada perbuatan tersebut. Oleh itu, tujuan kertas kajian ini adalah untuk mengenal pasti pendirian

sarjana Yahudi berkenaan taubat Adam. Objektif pertama, mengenal pasti penetapan kenabian Adam menurut Islam dan Yahudi. Objektif kedua, mengenal pasti penentuan dosa terhadap perbuatan Adam menurut Islam dan Yahudi. Objektif ketiga, mengenal pasti pengiktirafan taubatnya Adam menurut Islam dan Yahudi. Kajian ini bersifat kajian kepustakaan, maklumat dikumpulkan daripada kitab-kitab sarjana Islam dan Yahudi yang mentafsirkan kisah tersebut. Soalan juga ada dikemukakan kepada tokoh sarjana Yahudi kontemporari yang mengkaji Islam, iaitu Ben Abrahamson. Hasil dapatan mendapati, pertama, agama Islam mengakui kenabian Adam kecuali sebahagian sarjana kontemporari yang menafikannya. Manakala bagi agama Yahudi tidak dinyatakan secara jelas, tetapi terdapat sarjana Yahudi yang menyabit kenabian Adam. Kedua, agama Islam dan Yahudi mengakui Adam bertaubat dalam hal tersebut. Ketiga, al-Quran dengan jelas mengatakan Adam bertaubat, manakala Taurat tidak menyatakannya. Tetapi menurut riwayat sarjana Yahudi, Adam memang bertaubat melalui perbuatan dengan cara merendamkan diri di dalam Sungai Gihon selama 130 tahun untuk menebus dosanya.

Kata Kunci: Kemaksuman nabi; *Ismah*; Buah khuldi; Agama semitik

How to Cite:

Received: 16-9-2024

Revised: 2-11-2024

Accepted: 17-11-2024

Published: 20-11-2024

Hamdan, N. Q. & Azli, M. N. M. (2024). Analisis Perbandingan Taubat Adam Menurut Perspektif Islam dan Yahudi. *RABBANICA - Journal of Revealed Knowledge*, 5(2), 35-53.

1. Pendahuluan

Taubat merupakan konsep yang wujud dalam ketiga-tiga agama samawi iaitu Yahudi, Kristian dan Islam. Avery-Peck & Neusner (2004) menyatakan taubat menurut Yahudi ialah *teshuvah* yang menurut bahasa bermaksud ‘kembali’, manakala menurut istilah adalah kembali kepada Tuhan daripada situasi kerenggangan. Menurut mereka, konsep taubat adalah menyesal akan perbuatan kita, tidak akan mengulanginya, dan memohon ampun kepada Tuhan. Konsep ini hampir serupa dengan Islam, iaitu taubat ialah permohonan ampun, penyesalan di atas dosa yang telah dilakukan secara ikhlas kerana Allah, berazam untuk tidak mengulanginya serta meminta halal terhadap hak manusia dengan mengembalikannya kembali (Mujahideen & Hamidi, 2020). Perkataan *תְּשׁוּבָה* (*teshuvah*) bermaksud ‘kembali’ dan ‘bertaubat’ atau *repentance* (Clines, 1998; Ernest, 1987). Tambahan pula, Katsh (1980) menyamakan makna *توبه* (taubat) dengan istilah *teshuvah*.

Adapun taubat dalam Kristian cenderung mementingkan kerohanian tanpa batasan sehingga menggugat hak diri individu. Antaranya, ajaran gereja Katolik yang menjadikan amalan taubat terlaksana antara pendosa dan Tuhan dengan perantaraan paderi menerusi pengakuan dosa. Lebih daripada itu,

mereka mendakwa keimanan kepada Jesus yang disalib sebagai penyelamat manusia dan penebus dosa sudah cukup untuk melayakkan seseorang Kristian mendapatkan keampunan dan diterima taubat. Secara tidak langsung, taubat pengikut Kristian tidak mengembalikan hak Tuhan sebagai pencipta, pemberi taubat, pemberi ampun dan pemberi keselamatan sekalipun kitab suci mereka mengarahkan sedemikian. (Dollah & Khambali, 2016)

Kisah yang masyhur dalam al-Quran dan Taurat berkaitan taubat ialah kisah Adam dan Hawa mendekati pohon terlarang. Al-Quran menceritakan hal ini dalam tiga surah iaitu al-Baqarah (ayat 35-37), surah al-A'raf (ayat 17-23), dan surah Taha (ayat 117-122). Manakala dalam Taurat, kisah ini hanya berada di satu tempat iaitu pada Genesis bab ke-3 (ayat 1-14) yang lebih terperinci kisahnya. Isu utama yang ditimbulkan oleh sarjana kontemporari Islam terhadap kisah ini sebagaimana yang digambarkan dalam Taurat adalah tiada kenyataan berkenaan taubatnya Adam. Al-Saqa menyatakan:

وَهُمْ يَعْتَرِفُونَ بِأَنَّهُ أَذْنَبَ عَمَدًا، وَلَمْ يَكْتُبُوا فِي تُورَاةِ مُوسَى أَنَّهُ قَدْ تَابَ.

Terjemahan: Mereka (Yahudi) mengakui bahawa baginda (Adam) berdosa secara sengaja, tetapi tidak termaktub dalam Taurat Musa bahawa baginda bertaubat. (Al-Saqa, t.thn: 237)

Ghasan (2017) pula yang membandingkan kisah Adam antara al-Quran dan Taurat juga menyatakan hal yang sama:

وَلَا تَذَكُّرُ التُّورَاةُ تُوبَةً آدَمَ وَلَا نَدْمَهُ إِطْلَاقًا، بَلْ تَذَكُّرُ مُجَادِلَتِهِ اللَّهُ سُبْحَانَهُ وَإِلَقَائِهِ الْمَسْؤُلِيَّةِ عَلَى امْرَأَتِهِ.

Terjemahan: Taurat tidak menyebutkan langsung tentang taubatnya Adam mahupun kesesalannya, bahkan yang disebutkan adalah perdebatannya dengan Allah *subhanah*, dan menimpakan tanggungjawabnya terhadap isterinya. (Ghasan, 2017: 309)

Hal ini menjadi tanda tanya adakah agama Yahudi tidak menekankan konsep taubat sedangkan berdasarkan nukilan artikel kajian Ghasan (2017), konsep taubat Yahudi hampir sama dengan Islam. Berdasarkan permasalahan ini, maka tujuan utama kertas kajian ini adalah untuk mengenal pasti kebenaran isu tersebut melalui kisah Adam dan Hawa dengan membandingkan perspektif Islam dan Yahudi. Oleh itu, terdapat tiga objektif dalam kajian ini yang saling berkait. Objektif pertama adalah untuk mengenal pasti penetapan kenabian Adam menurut Islam dan Yahudi. Objektif kedua, mengenal pasti penentuan

dosa terhadap perbuatan Adam menurut Islam dan Yahudi. Objektif ketiga, mengenal pasti pengiktirafan taubatnya Adam.

2. Metodologi Kajian

Kajian ini merupakan kajian kepustakaan yang melibatkan rujukan kitab-kitab bagi kedua-dua agama. Kitab-kitab sarjana Islam mampu didapati melalui perisian *al-Maktabah al-Shamilah*. Manakala bagi rujukan kitab-kitab sarjana Yahudi adalah didapati melalui tapak sesawang *sefaria.org* yang mengumpulkan pelbagai tafsiran sarjana Yahudi semisal Rashi, Sforno, Hayyim dan lain-lain. Sefaria ialah organisasi swasta yang dibiayai oleh William Davidson dengan kerjasama penerbitnya iaitu Koren Publishers Jerusalem dan Milta, sebanyak 15 jurutera (komputer) dan lambakan penterjemah yang terlibat dalam memajukan tapak sesawang tersebut. Hal ini disebut oleh Chabin:

Although there are other online Talmud editions, they are either not in English or charge hundreds of dollars for access. Sefaria's edition has a Creative Commons noncommercial license, meaning anyone can use it as part of the public domain for noncommercial purposes. The project is funded by the William Davidson Foundation in cooperation with its publishers, Koren Publishers Jerusalem and Milta. Septimus said the project, which required the efforts of 15 engineers and countless scholars and translators, has been a labour of love. (Chabin, 2017)

Bagi memudahkan penulisan, pengkaji meringkaskan apa-apa rujukan daripada tapak sesawang *sefaria.org* dengan hanya menukilkan nama kitab atau sarjananya, serta penomborannya. Berikut ialah nama-nama kitab dalam artikel ini yang diambil daripada tapak sesawang tersebut:

- i. Or HaChaim oleh Rabbi Hayyim
- ii. Haamak Davar oleh Rabbi Naftali Zvi
- iii. Shenei Luchot HaBerit oleh Rabbi Yeyshayahu Horowis
- iv. Kav HaYashar oleh Rabbi Tzvi Hirsch Kaidanover
- v. Tafsiran Rashi (Rabbi Sheylomoh Yishaqi)
- vi. Tafsiran Rabbeinu Bahya

Selain daripada kajian kepustakaan, pengkaji juga ada bertanyakan soalan kepada sarjana Yahudi kontemporari yang juga mengkaji Islam, iaitu Rabbi Ben Abrahamson melalui *facebook messenger* untuk mengetahui hujah menurut perspektif Yahudi terhadap kenabian Adam. Nama beliau disebutkan

secara jelas dalam kajian ini dan perkara ini tidak melanggar etika. Hal tersebut berdasarkan kaedah “manfaat lebih besar daripada mudarat” sebagaimana yang disentuh oleh Steinar Kvale:

A conflict exists between the ethical demand for confidentiality and the basic principles of scientific research... The ethical principle of beneficence means that the risk of harm to a subject should be the least possible. The sum of potential benefits to a subject and the importance of the knowledge gained should outweigh the risk of harm to the subject... (Kvale, 1996: 115-116)

Berdasarkan kaedah ini, maka tidak perlu meminta izin daripada subjek yang ditemu bual kerana dua sebab utama:

- i. Beliau tidak berada di Malaysia, maka isu keselamatan atau kemudaran tidak berlaku. Tidak seperti kes Carolyn Ellis dalam bukunya *Fisher Folk*, data-data temu bual beliau terhadap sebuah komuniti itu menyebabkan hubungan sesama mereka tegang. (Kaiser, 2009)
- ii. Maklumat daripada beliau mewajibkan identiti didedahkan agar kesahan kajian ini lebih dipercayai. Jika beliau tidak mengizinkan untuk didedahkan identiti sekalipun, maka dipertimbangkan untuk tidak dihiraukan.

3. Etimologi Adam & Hawa

Adam dalam bahasa Ibrani ialah אָדָם (adam) yang daripada sudut bahasa bermaksud ‘manusia’ (Clines, 1998). Pada awalnya terma הַ (ha – seperti *the* atau הַיְלָדָה) dipakai pada lafaz *adam* dalam Genesis (2:7-4:1) dan ia membawa maksud ‘manusia’ secara umum. Akan tetapi artikel tersebut tiada pada Genesis (4:25 dan 5:1-5) lalu membawa maksud kata nama khas Adam (אָדָם). Manakala *Septuagint* dan *Vulgate* menterjemahkan ha-adam (הָאָדָם) sebagai kata nama khas ‘Adam’ sejak daripada ayat Genesis (2:19) lagi (Pope, 2007).

Manakala dalam bahasa Arab ialah آدم (adam), al-Zamakhshariy mengatakan lafaz Adam ialah nama ‘ajamiy (bukan Arab) dan terbitan daripada الأَدَمَة (al-adamah) iaitu ‘kulit’ (Al-Zamakhshariy, 1986) kerana ia diperbuat daripada *adim al-ard* iaitu ‘kulit bumi’ (Al-Raghib al-Asfahaniy, 1991). Hal ini menyerupai kenyataan Genesis (2:7) bahawa Adam diperbuat daripada הָאָדָם (adamah) yang bermaksud ‘tanah’ atau ‘bumi’ (Clines, 1998). Terdapat perbahasan sama ada lafaz Adam adalah berasal daripada Arab atau bukan Arab, kemungkinan ia daripada bahasa Ibrani atau Syria (Jeffery, 2007).

Menurut al-Quran, Adam ialah makhluk yang diciptakan langsung daripada dua tangan Allah (Sad 38:75). Genesis (1:26) menyatakan, Tuhan berkata bahawa dia mahu menciptakan manusia iaitu Adam “dalam gambaran Kami, menurut rupa Kami”. Hal ini hampir senada dengan hadis nabawi bahawa Rasulullah SAW bersabda, “Allah telah mencipta Adam menurut gambarannya” (Al-Bukhari, 2001, no. 6227). Kedua-dua agama menyatakan bahawa Adam ialah manusia pertama yang diciptakan.

Hawa pula ialah pasangan Adam yang diciptakan oleh Allah. Nama Hawa atau dalam bahasa Arabnya ialah حَوْاء (Hawwa') tidak disebut secara jelas dalam al-Quran (Tottoli, 2002), tetapi disebutkan pada riwayat hadis seperti yang diriwayatkan oleh al-Bukhari (2001, no. 3330) dalam kitab sahihnya. Menurut Genesis (3:20), Adam menamakan isterinya sebagai חַוָּה (Hawwah) kerana ia akan menjadi ibu bagi segala 'חַי' (hay) iaitu kehidupan.

4. Dapatan Kajian

Pada topik ini, akan dikemukakan hasil dapatan kajian berdasarkan tiga objektif yang telah disebutkan.

4.1 Penetapan Kenabian Adam

Adam tiada dalam senarai 55 nabi berbangsa Israel menurut senarai Rashi (Gafney, 2006), kerana Adam bukanlah berbangsa Israel dan merupakan manusia pertama. Namun begitu, Yahudi juga mengatakan bahawa seseorang nabi itu boleh jadi bukan berbangsa Israel (Hamdan, 2021). Kenabian Adam juga tidak dinyatakan secara jelas dalam Taurat. Akan tetapi, Adam dianggap sebagai nabi menurut kenyataan Rabbi Joseph Albo:

וְהִיא מֵהֶם שֶׁתְּסֹדֶר מַה שָׁמֶן עַל יָד נָبִיא כְּמוֹ אָדָם אוֹ נָחֶ

Terjemahan: Tuhan mengarahkan undang-undang suci melalui nabi (נָבִיא) seperti Adam atau Nuh. (Albo, 1929, Maamar 1:7)

Begitu juga dengan al-Quran yang tidak menyatakan secara jelas kenabian Adam, tetapi baginda dinyatakan secara isyarat berdasarkan kalimah اجتبى (pilih) pada surah Taha ayat ke-122 yang membawa maksud kenabian (Ibn Khumair, 1990). Terdapat hadis Rasulullah SAW yang jelas menyebutkan kenabian Adam:

وَعَنْ أَبِي أُمَامَةَ الْبَاهْلِيِّ أَنَّ رَجُلًا قَالَ: يَا رَسُولَ اللَّهِ، أَنَّبِي كَانَ آدَمُ؟ قَالَ: نَعَمْ. قَالَ: كَمْ بَيْنَهُ وَبَيْنَ نُوحٍ؟ قَالَ: عَشْرَةَ قُرُونٍ. قَالَ: كَمْ بَيْنَ نُوحٍ وَإِبْرَاهِيمَ؟ قَالَ: عَشْرَةَ قُرُونٍ. قَالَ: يَا رَسُولَ اللَّهِ، كَمْ كَانَ الرَّسُولُ؟ قَالَ: ثَلَاثَمِائَةٌ وَخَمْسَةَ عَشَرَ.

Terjemahan: Daripada Abu Umamah al-Bahili, bahawa seorang lelaki bertanya, “Wahai Rasulullah, adakah Adam seorang nabi?” Baginda menjawab, “Ya.” Lelaki itu bertanya, “Berapakah jarak antara dia dan Nuh?” Baginda menjawab, “Sepuluh kurun.” Lelaki itu bertanya, “Antara Nuh dan Ibrahim pula?” Baginda menjawab, “Sepuluh kurun.” Lelaki itu bertanya, “Wahai Rasulullah, berapa ramaikah para rasul?” Baginda menjawab, “Tiga ratus lima belas.” (Al-Haithamiy, 1994: 1/196, no. 953)

Berkenaan hadis ini, al-Haithamiy (1994) berkata bahawa ia diriwayatkan oleh al-Tabarani dalam *al-Mu'jam al-Awsat* dan para perawinya ialah perawi yang sahih. Tiada pertikaian mengenai kenabian Adam di sisi para ulama Islam terdahulu, tetapi wujud sarjana kontemporari seperti Baliq (1990) yang mempertikaikan kenabian Adam atas dasar tiada kenyataan yang jelas daripada al-Quran, serta kesemua hadis kenabian Adam itu adalah tidak sahih. Pendapat beliau ini ialah pendapat yang janggal.

Persoalannya, adakah Adam telah menjadi nabi semasa memakan buah terlarang? Menurut al-Razi yang terkedepan melakukan takwilan terhadap kisah-kisah para nabi yang mengandungi kesalahan, beliau berkata bahawa kesalahan Adam adalah berlaku sebelum kenabian:

وَاعْلَمْ أَنَّ الْأَوَّلِيِّ عِنْدِي فِي هَذَا الْبَابِ وَالْأَحْسَمَ لِلشَّغَبِ أَنْ يُقَالَ: هَذِهِ الْوَاقِعَةُ كَانَتْ قَبْلَ النُّبُوَّةِ وَقَدْ شَرَحْنَا ذَلِكَ فِي سُورَةِ الْبَقَرَةِ

Terjemahan: Ketahuilah, (tafsiran) yang lebih utama di sisiku terhadap hal ini dan yang lebih memecahkan kekeliruan adalah dengan mengatakan bahawasanya kisah ini berlaku sebelum kenabian (Adam) dan telah kami syarahkan hal tersebut pada surah al-Baqarah. (Al-Razi, 1999: 22/109)

Bahkan terdapat nukilan ijmak mengenai belumnya Adam menjadi nabi. Ibn Khumair mengatakan:

وَأَوْلَ مَا يَنْبُغِي أَنْ نَقْدِمَ أَنَّ آدَمَ عَلَيْهِ السَّلَامُ لَمْ يَكُنْ عِنْدَمَا أَكَلَ مِنَ الشَّجَرَةِ نَبِيًّا وَالْعَصْمَةُ لَهَا تَشْرُطٌ لِلنَّبِيِّ إِلَّا بَعْدَ ثَبُوتَ النُّبُوَّةِ لَهُ فَمِنَ النَّاسِ مَنْ ذَكَرَ الْإِجْمَاعَ عَلَى أَنَّهُ لَمْ يَكُنْ نَبِيًّا عِنْدَمَا أَكَلَ مِنَ الشَّجَرَةِ

Terjemahan: Pertama sekali, ketika Adam AS memakan pokok itu, baginda belum menjadi nabi. Kemaksuman hanyalah disyaratkan kepada nabi setelah dikurniakan al-nubuwwah kepadanya. Sebahagian manusia menyebutkan telah berlaku ijmak bahawa (Adam) belum menjadi nabi ketika memakan daripada pohon tersebut. (Ibn Khumair, 1990: 67)

Abu Hanifah dalam kitab yang dinisbahkan kepadanya berjudul *al-Fiqh al-Akbar* menyatakan bahawa para nabi terpelihara daripada dosa besar dan kecil, tetapi mampu melakukan ketergelinciran dan kesilapan. Menurut al-Qariy (1998), maksud ketergelinciran dan kesilapan itu adalah perilaku sebelum kenabian. Secara umumnya, majoriti ulama Islam berpendapat bahawa para nabi yang telah menerima kenabian hanya maksum terhadap dosa besar, tetapi tidak maksum terhadap dosa kecil. Ibn Taimiyyah (1995) menyatakan, hal tersebut turut dipersetujui oleh kelompok al-Ash‘ariyyah dan ahli kalam seperti al-Amidiyah. Inilah pendapat majoriti ahli fiqh, ahli hadis, ahli kalam daripada kalangan terdahulu dan terkemudian (Al-Nawawiyy, 1972).

Manakala pengkaji tidak menemui kenyataan daripada kitab suci Yahudi adakah Adam sudah menjadi nabi atau belum ketika memakan buah terlarang itu. Pengkaji telah bertanyakan Rabbi Ben Abrahamson melalui *facebook messenger* perihal ini, lalu beliau menjawab:

In the Torah, it is recorded that Adam (pbuh) named the animals. It is taught that he named them according to their nature & essence, It is understood that God revealed to Adam (pbuh) these names, so thus he was a prophet (Abrahamson, 2010).

Beliau berhujahkan kisah Adam menamakan segala haiwan yang Tuhan cipta (Genesis 2:19), bahawa ketika itu Tuhan telah mengajarkan Adam nama-nama haiwan sekaligus merupakan bentuk penurunan wahyu. Terdapat sebahagian ulama Islam yang berhujahkan dalil sebegini bagi menetapkan kenabian Adam (Al-Qurtubiy, 1964). Oleh itu, Adam telah dianggap sebagai nabi sebelum ia memakan buah terlarang

4.2 Penentuan Dosa Adam

Menurut ayat-ayat al-Quran, Adam memang melakukan dosa atau maksiat dalam kes mendekati pokok terlarang. Contohnya Allah berfirman:

فَأَرْلَهُمَا أَلْشَيْطَنُ عَنْهَا... ﴿٣﴾

Terjemahan: Lalu kedua-duanya digelincirkan oleh syaitan dari syurga itu... (Al-Baqarah, 2: 36)

Menurut Abd Halim (2022), maksud *fa'azallahuma* (lalu kedua-duanya digelincirkan) ialah syaitan mendorong atau memperdayakan mereka berdua kepada kesalahan. Namun begitu, dosa yang dilakukan Adam adalah sebelum baginda menjadi nabi. Ibn Taimiyyah menyatakan bahawa sesiapa yang berpendapat Adam tidak bermaksiat, maka ia berdusta terhadap al-Quran:

وَمَنْ قَالَ: إِنَّ آدَمَ مَا عَصَى فَهُوَ مُكَذِّبٌ لِّلْقُرْآنِ وَيُسْتَتابُ إِنْ تَابَ وَإِلَّا قُتْلَ؛ إِنَّ اللَّهَ قَالَ:
 {وَعَصَى آدَمَ رَبَّهُ فَغُوَيْ} وَالْمُعْصِيَةُ: هِيَ مُخَالَفَةُ الْأَمْرِ الشَّرِيعِيِّ

Terjemahan: Sesiapa yang mengatakan bahawa Adam tidak melakukan maksiat, maka dia telah berdusta terhadap al-Quran, hendaklah dia bertaubat atau tidak dihukum bunuh (oleh pemerintah). Sesungguhnya Allah berfirman, “Dan Adam telah bermaksiat terhadap Tuhanya lalu dia terpesong”, maksud maksiat di sini adalah menyalahi perintah syariat. (Ibn Taimiyyah, 1995: 8/269)

Menurut Solah al-Khalidi (1998), Adam bermaksiat bukan kerana sengaja, tetapi disebabkan lupa dan lalai. Hal ini disokong dengan firman Allah pada ayat ke-115, surah Taha, bahawa Adam telah lupa setelah membuat perjanjian dengan Allah. Hal ini selari dengan kenyataan ‘Umar bin ‘Abd al-Aziz yang menyatakan Adam melakukan kesalahan kerana terlupa (Hayah, 2002).

Hal ini secara tidak langsung menunjukkan bahawa Adam melakukan kesalahan kerana tidak sengaja. Kelompok-kelompok seperti Sunni, Muktazilah, Syiah, Khawarij dan sebagainya bersetuju bahawa para nabi adalah maksum daripada berniat untuk melakukan dosa besar atau dosa kecil secara sengaja, tetapi khilaf terjadi berkenaan kemungkinan mereka mampu melakukan dosa kecil secara tidak sengaja (Hamdan et al., 2021). Namun begitu jika Adam melakukannya dengan sengaja sekalipun, ia tidak menjelaskan keperibadian Adam kerana semua ini berlaku sebelum Adam menjadi nabi.

Menurut Genesis (2:15), Adam serta Hawa berada di גַן אֵדֶן (Gan Eden) atau *Garden of Eden*, kejadian memakan buah daripada pokok terlarang berlaku di situ. Makna lafaz *gan* dalam bahasa Ibrani tersebut adalah menyamai makna جَنَّةٌ (jannah) yang bermaksud taman atau syurga, dan lafaz *eden* pula bermaksud kesenangan atau nikmat (Al-Hafi, 2015). Frasa Gan Eden dalam Talmud selalunya bermaksud sebuah tempat kembalinya roh orang yang soleh (Al-Hafi, 2015).

Menurut Taurat, Tuhan melarang Adam dan Hawa memakan sejenis buah daripada pohon yang digelar עֵדָה וְעֵדָה (ume'es hada-at) iaitu ‘pokok ilmu’ kerana si pemakan kelak akan mengalami kematian (Genesis 2:17), bahkan menyentuhnya saja akan mengalami kematian (Genesis 3:3). Pokok itu dinamakan sebagai pokok ilmu kerana si pemakan akan tahu perkara baik dan buruk serta hidupnya tidak akan abadi (Genesis 3:22). Kemudian datanglah נַחַשׁ (nahhash) iaitu ‘ular’ untuk menghasut Hawa dengan mengatakan, “Kau sememangnya tidak akan mati, kerana Tuhan tahu tatkala kau memakannya, matamu akan tersingkap (sedar) dan kau akan jadi seperti *elohim* (malaikat) yang mengetahui kebaikan serta keburukan” (Genesis 3:4-5). Hawa mengambil buah itu dan memakannya bersama Adam, kemudian mereka terus tersedar bahawa mereka berdua dalam keadaan bogel (asalnya mereka memang bogel) setelah memakan buah tersebut (Genesis 3:6-7). Adam menyalahkan Hawa di hadapan Tuhan kerana Hawa yang terhasut oleh ular untuk memakan buah, lalu Hawa memberikan juga buah itu kepada Adam (Genesis 3:12-13). Adam dan Hawa dikeluarkan daripada Gan Eden kerana si pemakan buah daripada pokok ilmu itu tidak abadi, maka tidak dibenarkan memakan ‘pohon-pohon abadi’ yang wujud di situ (Genesis 3:22-23). Manakala si ular tersebut disumpah oleh Tuhan bahawa ia hanya mampu berjalan menggunakan badannya dan akan memakan debu sepanjang hidupnya (Genesis 3:14).

Kebanyakan sarjana Yahudi menyatakan bahawa Adam telah berdosa (אָטָה). Hal ini diisyaratkan dalam Taurat:

וַיֹּאמֶר יְהוָה אֱלֹהִים אֶל־הָאָדָם וְאַמְرָךְ לֹא אִפְּה:

Terjemahan: Dan YHWH Sang Tuhan memanggil lelaki itu dan berkata kepadanya, “Di manakah kamu?” (Genesis 3:9)

Nama YHWH adalah sebutan untuk nama Tuhan dalam teks-teks Ibrani, khususnya dalam Wasiat Lama dan Talmud. Ia dianggap sebagai nama suci yang tidak dapat disebut. Dalam bahasa Inggeris ia digelar sebagai Tetragrammaton (Empat Huruf). Asal usul nama YHWH ini adalah ketika Musa bertanya kepada Tuhan, jika kaum Israel bertanya nama-Nya, apakah yang perlu dia jawab? Tuhan menjawab bahawa dia ialah ‘ehyeh asher ‘ehyeh (Aku ialah aku).

Berkenaan ayat ini, Rav Yehudah meriwayatkan daripada Rav mengenai tafsiran “Di manakah kamu” bermaksud “ke manakah kalbu kamu dipalingkan?” mengisyaratkan bahawa Adam telah berpaling daripada kebenaran (Talmud, Sanhedrin 38b:11). Rav Nahman pula mendakwa, “Beliau (Adam) ialah penafi prinsip asas kepercayaan terhadap Tuhan” (Talmud, Sanhedrin 38b:12). Nahman menggunakan lafaz (*kopeyr*) yang menyamai dengan makna كفر dalam bahasa Arab (Ernest, 1987), iaitu ‘ingkar’ atau ‘tidak beriman’. Selain itu, Tuhan juga berfirman:

אָבִיךְ הָרָא שׂוֹן חַטָּאת וְמַלְיָאֵךְ פְּשֻׁעָן בְּיַהֲוֵדָה:

Terjemahan: Bapa pertama kamu telah berdosa, dan jurucakap kamu telah melampaui Aku. (Isaiah 43:27)

Rabbi Hayyim (Hayyim ben Mosheh) mentafsirkan “bapa terawal” itu merujuk kepada Adam (Or HaChaim pada Deuteronomy 26:5). Kesan daripada perbuatan Adam tersebut, maka beberapa perkara berubah disebabkan dosanya itu. Menurut Rabbi Naftali Zvi, Adam tidak diberikan nama secara spesifik sebelum ia berdosa, tetapi ia diberikan nama ‘Adam’ setelah melakukan dosa (Haamak Davar pada Genesis 1:26). Selain itu, Taurat juga menceritakan Adam diberikan ‘pakaian’ kulit setelah berdosa:

(פ) וַיַּעֲשֵׂה יְהֹוָה אֱלֹהִים לְאָדָם וּלְאֶשְׁתּוֹ כְתָנֹת עֹור וַיְلַבְשֻׁם:

Terjemahan: Dan YHWH membuat pakaian daripada kulit kepada Adam serta isterinya, dan memakaikan mereka. (Genesis 3:21)

Hayyim mentafsirkan bahawa huruf א pada lafaz Adam (אָדָם) ialah kiasan bagi אור (owr) iaitu ‘cahaya’ yang dipakai oleh Adam sebelum berdosa. Kemudian ditukarkan dengan pakaian עור ('owr) iaitu ‘kulit’ yang dipakai setelah ia berdosa (Haamak Davar pada Genesis 1:26). Rabbi Yeishayahu Horowis mengatakan bahawa Adam telah menarik kulit kemaluannya sehingga menjadi kulup, secara tidak langsung perbuatan dosanya telah membuatkan kulit pada badannya bertambah (Shenei Luchot HaBerit [Torah Shebikhtav, Sefer Vayikra, Torah Ohr, Kedoshim, 22]). Selain itu, Tuhan juga pernah berfirman:

וְהַמָּה כִּאָدָם עָבָרִי בְּגַרְיַת נַשְׁמָה בְּגַדְיוֹ בְּיַהֲוֵדָה:

Terjemahan: Tetapi mereka, sebagaimana Adam, telah melanggar Perjanjian. Di sitolah mereka telah menderhakai terhadap-Ku. (Hosea 6:7)

Rashi (Sheylomoh Yishaqi) menyatakan bahawa ayat ini adalah berkenaan ungkitan Tuhan terhadap bangsa Israel terdahulu yang memungkiri perjanjian-Nya dengan cara menyembah berhala anak lembu, walhal Tuhan telah menempatkan mereka di tempat yang bagus. Begitu juga sebagaimana Adam telah memungkiri-Nya dengan memakan buah pohon yang terlarang sedangkan dia berada di tempat terbaik iaitu Gan Eden (Rashi pada Hosea 6:7).

Tafsiran serta kenyataan para rabbi ini menunjukkan bahawa Adam sememangnya berdosa kerana telah melanggar arahan Tuhan. Namun begitu, dosanya bukanlah dosa yang disengajakan. Hayyim berkata, “Benar bahawa Adam juga telah berdosa, tetapi dosanya adalah tidak disengajakan” (Or HaChaim pada Genesis 3.20). Rabbeinu Bahya pula berkata, “Apabila Adam berdosa, ini bukanlah penafian terhadap keagungan Tuhan yang merupakan sebuah perbuatan kufur (כָּפֵר)” (Rabbeinu Bahya pada Genesis 2.9). Menurut mereka, dosa Adam bukan sahaja merosakkan dirinya, bahkan seluruh dunia. Rabbi Yeyshayahu Horowis dalam Shenei Luchot HaBerit berkata:

כבר כתבנו שתכלית העולם היה בעבר האדם, וכשהחטא קלקל את עצמו
ואת כל העולם, והיה הכל ראוי לחזור לתיקונו במתן תורה אך שחררו
וקלקלו בעגל.

Terjemahan: Kami telah terangkan bahawa tujuan (penciptaan) dunia adalah untuk lelaki (manusia). Apabila dia (Adam) berdosa, dia telah merosakkan seluruh dunia. Penurunan Taurat adalah untuk memulihkan hal ini, tetapi manusia kembali merosakkannya dengan membuat berhala anak lembu emas. (Torah Shebikhtav, Sefer Vayikra, Torah Ohr, Vayiqra: 67)

Rabbi Tzvi Hirsch Kaidanover meriwayatkan sebuah kisah daripada Rabbi Shimon yang bermimpi menjumpai Adam. Rabbi Shimon menceritakan: “Bersama saya datangnya tiga ratus jiwa orang soleh dan di atas mereka semua ialah jiwa Adam. Dialah (Adam) yang duduk dan bercakap dengan saya. Dia meminta agar saya tidak memberitahu kepada dunia tentang dosanya lebih banyak daripada apa yang telah dinyatakan oleh Taurat. Dia telah menutupi dirinya dengan pohon dari Gan Eden. Saya menjelaskan bahawa saya telah menceritakan hal itu kepada para sahabat saya, tetapi dia mengatakan bahawa itu baik-baik saja dan dapat diterima. Hanya untuk seluruh dunia, saya tidak mengungkapkannya. Kenapa? Hal ini demikian kerana, Yang Maha Suci, Maha Berkat Dia, mengasihani kehormatan Adam dan tidak ingin menyatakan kejahatannya melainkan hanya perihal pohon yang dia makan.” (Kav HaYashar, bab 78: 4-6)

Berdasarkan kisah ini, Rabbi Tzvi Hirsch Kaidanover memberikan komen: “Daripada petikan ini, kalian dapat melihat bahawa penceramah awam

tidak melakukan perkara yang betul ketika mereka bercakap secara terbuka di sinagog dan dewan kuliah di hadapan orang ramai yang merangkumi orang jahil dan mengatakan perkara seperti, “Adam seorang yang kufur” atau bahawa dia bersalah melakukan penyembahan berhala, maksiat dan pertumpahan darah dan seumpamanya. Bagaimanakah seseorang dapat mengatakan hal-hal seperti itu mengenai karya tangan oleh Yang Maha Suci dan Maha Berkat Dia, yang sebenarnya orang soleh (צְדִיקָה) yang sempurna? Jiwa bagi semua generasi berasal dari dirinya dan jiwa orang jahat juga berasal dari jiwanya atau dari salah satu anggota badannya. Inilah orang berdosa yang bersikap terburu-buru dan cepat melakukan dosa. Tetapi jiwa yang unik dari Adam sendiri tidak pernah berdosa sama sekali kerana ia merupakan hal suci daripada segala yang suci.” (Kav HaYashar, bab 78: 4-6)

Beliau juga menyatakan: “Oleh itu, seseorang perlu mentafsirkan dosa (أَنْذَارٌ) Adam secara baik, sebagaimana dosa membuat patung berhala serta penjualan Yusuf. Jika seseorang sentiasa mendukung sifat suka memuji, dia akan diganjari sepanjang hari dan tahun. Amin.” (Kav HaYashar, bab 78: 8)

Menurut komentar Rabbi Tzvi Hirsch ini, beliau menyuruh untuk mentakwil dosa Adam dengan takwilan yang bersifat sangka baik. Beliau juga melarang seseorang berkata Adam telah kufur serta menyebabkan terjadinya dosa-dosa di atas muka bumi seperti penyembahan berhala, pembunuhan dan sebagainya. Menurut Legarreta-Castillo (2011), kaum Kristian yang dipengaruhi oleh Paul percaya bahawa dosa Adam diwarisi oleh umat manusia (1 Corinthians 15:21-22). Maka kefahaman sebegini ditentang oleh Rabbi Tzvi Hirsch. Walaupun pendapat ini agak lunak, Rabbi Tzvi Hirsch tetap menyatakan Adam telah berdosa (أَنْذَارٌ).

Kesimpulannya, menurut Islam Adam memang melakukan kesalahan kerana tidak sengaja, bahkan ia dilakukan sebelum baginda mendapat kenabian. Manakala menurut perspektif Yahudi, Adam memang melakukan dosa dengan melanggar arahan Tuhan dan ketika itu baginda telah menjadi nabi. Sebahagian rabbi menyatakan bahawa Adam telah berbuat kufur, manakala sebahagian lagi melarang ucapan kekejadian sebegini terhadap Adam serta perlu bersangka baik terhadap dosanya kerana baginda ialah orang soleh yang sempurna.

4.3 Pengiktirafan Taubat Adam

Antara kritikan sarjana Islam perihal kisah dalam Taurat ini, Ghasan (2017) dan al-Saqa mengatakan bahawa tiada menyebutan dalam Taurat bahawa Adam bertaubat kepada Tuhan, bahkan dia berdebat dengan Tuhan. Berbeza dengan ayat al-Quran yang menyatakan secara jelas bahawa Nabi Adam AS telah bertaubat setelah kejadian tersebut:

﴿ثُمَّ أَجْتَبَهُ رَبُّهُ، فَتَابَ عَلَيْهِ وَهَدَى﴾

Terjemahan: Kemudian Tuhannya memilihnya maka Dia menerima taubatnya dan memberinya petunjuk. (Taha, 20:122)

Al-Tabariy (2001) menghuraikan ayat ini dengan menyatakan bahawa Tuhan telah memilih Adam setelah baginda melakukan maksiat dengan mengurniakannya kembali ke (jalan) yang direndai-Nya, mengerjakan ketaatan kepada-Nya, ini merupakan taubatnya. Ibn Battah (1997) menyatakan bahawa setelah Adam melakukan kesalahan, baginda diilhamkan untuk bertaubat, kemudian Allah menerima taubat Adam dan baginda diturunkan ke bumi. Hal ini dapat dilihat berdasarkan firman Allah yang merekodkan taubat Adam dan Hawa:

﴿قَالَ رَبُّنَا ظَلَمْنَا آنفُسَنَا وَإِن لَمْ تَغْفِرْ لَنَا وَتَرْحَمْنَا لَنْ كُوْنَنَ مِنَ الْخَسِيرِينَ ﴾٢٣ ﴿ قَالَ أَهْبِطُوا بَعْضُكُمْ لِبَعْضٍ عَدُوٌّ وَلَكُمْ فِي الْأَرْضِ مُسْتَقْرٌ وَمَتَّعٌ إِلَى حِينٍ ﴾٢٤﴾

Terjemahan: Kedua-duanya berkata, “Ya Tuhan kami, kami telah menganiaya diri kami, dan jika Engkau tidak mengampuni kami dan memberikan rahmat kepada kami, nescaya kami termasuk ke dalam golongan yang rugi. Allah berfirman, “Turunlah kalian, sebahagian daripada kalian menjadi musuh bagi sebahagian yang lain. Dan kalian mempunyai tempat kediaman dan kesenangan (tempat mencari kehidupan) di muka bumi sampai waktu yang telah ditentukan.” (Al-A’raf, 7: 23-24)

Di sini al-Quran jelas membawakan taubat Adam dalam bentuk doa lisan. Ayat berikut juga menegaskan hal demikian:

﴿فَتَلَقَّئَ إَادُمْ مِنْ رَبِّهِ كَلِمَاتٍ فَتَابَ عَلَيْهِ إِنَّهُ هُوَ الْتَّوَابُ الْرَّحِيمُ﴾

Terjemahan: Kemudian Adam menerima beberapa kalimat dari Tuhannya, maka Allah menerima taubatnya. Sesungguhnya Allah Maha Penerima taubat lagi Maha Penyayang. (Al-Baqarah, 2: 37)

Berdasarkan ayat ini, secara isyaratnya Allah mengajarkan Adam cara bertaubat. Al-Tabariy (2001) membawa riwayat Mujahid dan Qatadah yang menyatakan bahawa ‘kalimat’ tersebut adalah sebagaimana ayat ke-23 dalam surah al-A’raf. Sebahagian mufassir seperti ‘Abd al-Rahman bin Yazid pula mengatakan bahawa kalimat tersebut adalah seperti berikut:

اللَّهُمَّ لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ سُبْحَانَكَ وَبِحَمْدِكَ، أَسْتَغْفِرُكَ وَأَتُوبُ إِلَيْكَ، تُبْ عَلَى إِنِّي أَنْتَ التَّوَابُ
الرَّحِيمُ

Terjemahan: Wahai Allah, tiada tuhan selain Engkau, Maha Suci Engkau dan puji-pujian bagi-Mu, aku memohon ampun kepada-Mu dan bertaubat kepada-Mu. Kembalikanlah aku, sesungguhnya Engkau Maha Penerima Taubat lagi Maha Penyayang. (Al-Tabariy, 2001: 1/584)

Manakala dalam teks Yahudi pula secara zahirnya, memang tiada kenyataan dalam Wasiat Lama (*Old Testament*) bahawa Adam bertaubat kepada Tuhan atas dosa yang dia telah lakukan, mahupun perintah Tuhan agar dia bertaubat. Ibn Taimiyyah mengatakan, walaupun maklumat itu tiada pada ahli kitab, tetapi hal ini tidaklah menafikan bahawa Adam telah bertaubat:

وَلَيْسَ عِنْدَ أَهْلِ الْكِتَابِ فِي كُتُبِهِمْ مَا يَنْفِي تَوْبَتِهِ وَإِنَّمَا قَدْ يَقُولُ قَاتِلُهُمْ إِنَّا لَا نَعْلَمُ أَنَّهُ تَابَ
أَوْ لَيْسَ عِنْدَنَا تَوْبَتِهِ وَدُمُودَةَ الْعِلْمِ بِشَيْءٍ لَيْسَ عِلْمًا بَعْدَمِهِ وَعَدْمِ وُجُودِ الشَّيْءِ فِي كِتَابٍ مِنْ
كُتُبِ اللَّهِ لَا يَنْفِي أَنَّ يَكُونَ فِي كِتَابٍ آخَرَ فِي التَّوْرَاهِ مَا لَيْسَ فِي الْإِنْجِيلِ وَفِيهِمَا مَا لَيْسَ
فِي الزَّبُورِ وَفِي الْإِنْجِيلِ وَالزَّبُورِ مَا لَيْسَ فِي التَّوْرَاهِ وَفِي سَائِرِ النُّبُوَاتِ مَا لَا يُوجَدُ فِي هَذِهِ
الْكُتُبِ وَالْقُرْآنُ...

Terjemahan: Dan tidaklah dalam kitab-kitab Ahli Kitab (Yahudi & Nasrani) menafikan taubatnya Adam. Berkata sebahagian daripada mereka bahawa kami tidak tahu adakah Adam bertaubat, atau tiada di sisi kami (khabar) mengenainya. Ketiadaan sesuatu maklumat, tidaklah bermakna ia tidak terjadi. Dan ketiadaan sesuatu dalam mana-mana kitab Allah, tidaklah bermakna dalam kitab-Nya yang lain tidak wujud. Dalam Taurat ada yang tidak terdapat dalam Injil, dan kedua-duanya ada maklumat yang tidak terdapat dalam Zabur. Dalam Injil dan Zabur ada maklumat yang tidak terdapat dalam Taurat. Dan seluruh wahyu kenabian (sebelum ini) ada yang tidak terdapat dalam kitab-kitab tersebut dan al-Quran... (Ibn Taimiyyah, 1999: 2/415)

Namun begitu, terdapat isyarat dalam Genesis bahawa Adam diperintahkan untuk bertaubat:

וַיֹּאמֶר יְהוָה אֱלֹהִים הִנֵּה הָאָדָם כִּי־חַטָּאת מְפֻנָּה לְקַעַת טֹוב וְרָע וְעַתָּה I פָּזָן
יִשְׁלַח יְהֹוָה וְלֹקַח גָּם מֵעַז קָמִים וְאֲכֵל וְתַיְלֵעַל:

Terjemahan: Dan YHWH sang Tuhan berkata, “Dan sekarang manusia telah menjadi seperti Kita, dan mempunyai ilmu kebaikan serta keburukan, bagaimanakah jika dia membentangkan tangannya dan mengambil sesuatu daripada pokok kehidupan lalu memakannya serta hidup abadi!” (Genesis 3:22)

Menurut Rabbi Aba bar Kahane, pada ayat ini Tuhan berfirman dengan lafaz **וְעַתָּה** (we ‘attah) yakni “dan sekarang,” ini menunjukkan bahawa Tuhan menyarankan Adam agar bertaubat (Or HaChaim pada Genesis 3:22:5). Hal ini menyerupai ucapan Nabi Musa AS berikut yang menyarankan agar kaum Israel bertaubat disebabkan penyembahan berhala anak lembu dengan lafaz **we ‘attah** (dan sekarang):

**וְעַתָּה יִשְׁרָאֵל מֶה יְהֹוָה אֱלֹהִיךְ שֶׁאָל מַעֲמָךְ קַי אַמְדְּלִירָאָה אֶתְיְהֹוָה אֱלֹהִיךְ
לִכְלָת בְּכָל־זְרוּכֵיכּוּ וְלֹא־הָבָה אֶתְהוּ וְלֹעֲבֵל אֶתְיְהֹוָה אֱלֹהִיךְ בְּכָל־לְבָבְךָ וּבְכָל־
נְפָשָׁךְ:**

Terjemahan: Dan sekarang, wahai Israel, apakah yang YHWH, yakni Tuhan kalian mahukan daripada kalian? Hanyalah berikut; untuk menghormati YHWH yakni Tuhan kalian, untuk berjalan pada jalan-Nya sahaja, untuk menyayangi-Nya, untuk memperhambakan diri kepada YHWH yakni Tuhan kalian dengan seluruh kalbu serta jiwa. (Deuteronomy 10:12)

Selain daripada isyarat dalam Genesis, riwayat daripada para rabbi juga ada menyebutkan bahawa Adam telah bertaubat. Hayyim berkata: “Tuhan mahu Adam sedar bahawa dia telah berdosa disebabkan memakan pokok ilmu. Dia melakukan hal ini dengan memberitahunya untuk bertaubat (**חַשְׁבוֹת**). Adam menjawab ajakan taubat itu dengan mengatakan bahawa dia tidak melakukan dosa yang memerlukan taubat. Apabila Tuhan mendengar jawapan Adam yang menyangka pelakuan dosa secara tidak sengaja itu langsung tidak memerlukan taubat, maka Tuhan mula risau kerana kelak tiada lagi halangan bagi Adam untuk memakan pokok kehidupan pula. Oleh sebab itulah Tuhan perlu mengeluarkan Adam daripada taman agar hal tersebut tidak terjadi. Setelah beberapa lama, Adam bertaubat dan menghabiskan masa selama 130 tahun merendamkan diri di dalam Sungai Gihon untuk menebus dosanya.” (Or HaChaim pada Genesis 3:22:6)

Kesimpulannya, rabbi menyatakan bahawa Adam melakukan dosa secara tidak sengaja dan tidak patut menyatakan Adam melakukan kekufuran. Taurat menyatakan secara isyarat bahawa Tuhan menyuruh Adam bertaubat. Rabbi menghuraikan bahawa Adam membuat sambil lewa akan arahan Tuhan tersebut sehingga menyebabkan baginda disingkarkan daripada Eden. Tidak dijumpai kenyataan dalam agama Yahudi bahawa Adam bertaubat secara lisan

melainkan hanya perbuatan sebagaimana yang dinukil di atas. Manakala menurut al-Quran dan riwayat tafsir, Adam melakukan taubat secara lisan dan tiada kenyataan yang menunjukkan bahawa Adam tidak mahu bertaubat pada awalnya sebagaimana dalam pegangan Yahudi.

Berdasarkan perbahasan terhadap tiga objektif, artikel ini dapat disimpulkan sebagaimana jadual berikut:

Jadual 1: Perbandingan Objektif dan Hasil Dapatkan Antara Islam dan Yahudi

Obj.	Yahudi	Islam
1	Adam tidak dinyatakan kenabiannya secara jelas dalam Taurat atau Talmud.	Adam tidak dinyatakan kenabiannya secara jelas dalam al-Quran.
	Adam dianggap nabi oleh sarjana Yahudi semisal oleh Joseph Albo dan Ben Abrahamson.	Adam diakui kenabiannya oleh majoriti ulama dan disebutkan secara jelas dalam hadis.
	Adam melakukan kesalahan semasa kenabian.	Adam melakukan kesalahan sebelum kenabian.
2	Adam telah melakukan dosa secara tidak sengaja.	
3	Taurat secara isyarat menyatakan Tuhan telah perintahkan Adam untuk bertaubat.	Al-Quran secara jelas menyatakan Tuhan telah mengajarkan kalimat kepada Adam untuk bertaubat.
	Taurat tidak menyatakan cara Adam bertaubat melainkan menurut riwayat bahawa Adam berendam dalam Sungai Gihon selama 130 tahun untuk tebus dosanya.	Al-Quran secara jelas merekodkan ucapan taubat Adam.

Sumber: Analisis Pengkaji

5. Kesimpulan

Rumusannya, dakwaan bahawa Taurat tidak menyebutkan taubat Adam itu benar, tetapi hal ini tidaklah bermakna agama Yahudi menganggap Adam tidak bertaubat. Sumber agama dalam Yahudi bukan pada teks Taurat semata-mata, tetapi mereka juga memiliki ‘Taurat Lisan’ (Kurzweil, 2008), iaitu seperti hadis dalam agama Islam. Al-Quran menerangkan secara jelas bahawa Nabi Adam AS telah bertaubat secara lisan, manakala Yahudi memiliki riwayat bahawa Nabi Adam AS bertaubat dengan melakukan perbuatan berendam di dalam Sungai Gihon.

Walaupun terdapat sedikit perbezaan, tetapi kedua-dua agama menekankan betapa pentingnya taubat. Kisah Nabi Adam AS ini patut dicontohi oleh pelbagai lapisan masyarakat dan agama bahawa memohon maaf setelah melakukan kesilapan merupakan tanggungjawab moral bagi setiap individu walaupun seseorang itu merupakan orang yang mulia.

Rujukan

- Abd Halim, I., Muhammad, A., Adnan, I., & Ismail, A. A. (2022). "Perbezaan Etimologi dalam Qiraat al-Quran dan Kesannya kepada Pentafsiran: Kajian Terhadap Perkataan Fa'azallahumā." *RABBANICA-Journal of Revealed Knowledge*, 3(1), 73-88.
- Abrahamson, R. B. (2010). *Facebook Status*. Diakses pada 31 Okt 2020. https://m.facebook.com/story.php?story_fbid=3701876083176058&id=100000611078032
- Albo, Joseph. (1929). *Sefer Ha-ikkarim (Book of Principles)*. United States of America: Jewish Publication Society of America.
- Al-Bukhari, Muhammad bin Isma'il. (2001). *Sahih al-Bukhari*. Tahkik oleh Muhammad Zuhair. 9 jil. Lubnan: Dar Tauq al-Najah.
- Al-Hafi, 'Amir 'Adnan. (2015). "Al-Jannah fi al-Talmud al-Babiliy: Dirasah Muqaranah fi Dau' al-Qur'an al-Karim." *Islamiyat Al-Ma'Rifah* 20 (79):49-88.
- Al-Haithamiy, Nur al-Din 'Aliy. (1994). *Majma' al-Zawa'id wa Manba' al-Fawa'id*. Tahkik oleh Husam al-Din. 10 jil. Kaherah: Maktabah al-Qudsiy.
- Al-Qariy, 'Aliy bin Muhammad. (1998). *Minah al-Raud al-Azhar fi Sharh al-Fiqh al-Akbar*. Beirut: Dar al-Basha'ir al-Islamiyyah.
- Al-Qurtubiy, Muhammad bin Ahmad. (1964). *Al-Jami' li Ahkam al-Qur'an*. 20 jil. Kaherah, Mesir: Dar al-Kutub al-Misriyyah.
- Al-Raghib al-Asfahaniy, al-Husain bin Muhammad. (1991). *Al-Mufradat fi Gharib al-Qur'an*. Tahkik oleh Safwan. Beirut: Dar al-Qalam.
- Al-Razi, Fakhr al-Din. (1999). *Mafatih al-Ghaib*. 32 jil. Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-'Arabiyy.
- Al-Saqa, Ahmad Hijaziy. T.thn. *Naqd al-Taurah: Asfar Musa al-Khamsah*. Mesir: Maktabah al-Nafidhah.
- Al-Tabariy, Muhammad bin Jarir. (2001). *Tafsir al-Tabariy Jami' al-Bayan 'an Ta'wil Ay al-Qur'an*. Mesir: Dar Hajar.
- Al-Zamakhshari, Mahmud bin 'Amr. (1986). *Al-Kashshaf 'an Haqa'iq Ghawamid al-Tanzil*. 4 jil. Beirut, Lubnan: Dar al-Kitab al-'Arabiyy.
- Avery-Peck, A., & Neusner, J. (2004). *The Routledge Dictionary of Judaism*. New York: Routledge.
- Baliq, 'Izz al-Din. (1990). *Nubuwah Adam wa Risalatuhu bayna al-Zann wa al-Yaqin*. Beirut: Dar al-Fath.
- Chabin, Michele. (2017). "Nonprofit Offers Talmud in English Online for Free." The Christian Century, Tarikh akhir kemaskini March 28, diakses pada 25 April 2024. <https://www.christiancentury.org/article/nonprofit-offers-talmud-english-online-free>.
- Clines, David J.A. (ed.). (1998). *The Dictionary of Classical Hebrew*. 8 jil. Sheffield, England: Sheffield Academic Press.
- Dollah, S. R. H., & Khambali, K. M. (2016). Konsep Taubat Menurut Islam dan Kristian dari Perspektif Perbandingan. *Afkar: Jurnal Akidah & Pemikiran Islam*, 18(1), 43-90.
- Gafney, Wilda C. M. (2006). "She declared to them, 'So says Yhwh, the God of Israel': An examination of female prophets in ancient Israel." Ph.D., Duke University.
- Ghasan 'Atif Badran. (2017). "Qissah Adam bayna al-Qur'an al-Karim wa al-Taurah: Dirasah Muqaranah." *Majallah Jami'ah al-Quds al-Maftuhah li al-Buhuth al-Insaniyyah wa al-Ijtima'iyyah* (22):291-324.
- Hamdan, N. Q., Sahad, M. N., & Abdullah, S. (2021). Hamka's Concept of Prophets' Infallibility: An Analysis on Tafsir al-Azhar. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences*, 4(3), 1-9.
- Hamdan, Nazmi Qayyum. (2021). *Konsep Kemaksuman Nabi Menurut Judaisme: Penilaian Semula Kritikan Sarjana Islam*. Tesis sarjana, Universiti Sains Malaysia.

- Hayah bin Muhammad bin Jibril. (2002). *Al-Athar al-Waridah ‘an ‘Umar bin ‘Abd al-‘Aziz fi al-‘Aqidah*. Madinah: ‘Imadah al-Bahth al-‘Ilmiy bi al-Jami‘ah al-Islamiyyah.
- Ibn Battah al-‘Ukbariy, ‘Ubaidullah. (1997). *Al-Ibanah ‘an Shari‘ah al-Firqah al-Najiyah wa Majanabah al-Firaq al-Madhmumah*. Riyad: Dar al-Rayah.
- Ibn Khumair, ‘Aliy bin Ahmad al-Sibtiy al-Umawiy. (1990). *Tanzih al-‘Anbiya’ amma nasaba ilaihim huthalah al-aghibbiya*. Tahkik oleh Muhammad Ridwan. Beirut, Lubnan: Dar al-Fikr.
- Ibn Taimiyyah, Ahmad bin ‘Abd al-Halim. (1995). *Majmu’ al-Fatawa*. 35 jil. Arab Saudi: Majma’ al-Malik Fahd li Taba‘ah al-Mushaf al-Sharif.
- Ibn Taimiyyah, Ahmad bin ‘Abd al-Halim. (1999). *Al-Jawab al-Sahih li man Baddala Din al-Masih*. Tahkik oleh Hamdan et al. 6 jil. Arab Saudi: Dar al-‘Asimah.
- Jeffery, Arthur. (2007). The Foreign Vocabulary of the Qur‘an. Dalam Gerhard Bowering & Jane Dammen McAuliffe (Ed.), *Texts and Studies on the Qur‘an*, Netherlands: Brill.
- Kaiser, Karen. (2009). “Protecting respondent confidentiality in qualitative research.” *Qualitative health research* 19 (11):1632-1641.
- Katsh, Abraham L. (1980). *Judaism in Islam*. New York: Sepher-Hermon Press.
- Klein, Ernest. (1987). *A Comprehensive Etymological Dictionary of The Hebrew Language For Readers of English*. Tel Aviv: Carta Jerusalem.
- Kurzweil, Arthur. (2008). *The Torah for Dummies*. Indianapolis, Indiana: Wiley Publishing Inc.
- Kvale, Steinar. (1996). *Interviews: An Introduction to Qualitative Research Interviewing*. Amerika Syarikat: Sage Publications Inc.
- Legarreta-Castillo, Felipe. (2011). “The Figure of Adam in Rom 5:12-21 and 1 Cor 15:21-22, 45-49: The New Creation and its Ethical and Social Reconfigurations.” PhD, Graduate School, Loyola University Chicago (3469990).
- Mujahideen, H. A., & Hamidi, A. G. (2020). Konsep taubat menurut perspektif Islam. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development*, 5(29), 100-108.
- Pope, Marvin H. (2007). Adam. Dalam F. Skolnik (Ed.), *ENCYCLOPAEDIA JUDAICA* (hlm. 371). Jerusalem: Keter Publishing House Ltd.
- Skolnik, Fred (ed.). (2007). *ENCYCLOPAEDIA JUDAICA*. Ed ke-2. 22 jil. Jerusalem: Keter Publishing House Ltd.
- Solah al-Khalidi. (1998). *Al-Qasas al-Qur‘aniy: ‘Ard Waqa‘iq wa Tahlil Ahdath*. Jeddah: Dar al-Bashir.
- Tottoli, Roberto. (2002). *Biblical Prophets in the Qur‘an and Muslim Literature*. New York: Routledge.